



## SIARAN MEDIA

### ***Viewing Party* Perlawanan Akhir Piala Dunia 2018 Di Desa Sentral**

KUALA LUMPUR, 28 Jun 2018 – RTM akan menyertai acara khas ***Viewing Party Perlawanan Akhir Piala Dunia 2018*** di Desa Sentral, Taman Desa, Kuala Lumpur pada hari Ahad, 15 Julai 2018. Acara ini, yang dianjurkan oleh Aset Kayamas Sdn. Bhd., merupakan kerjasama strategik stesen penyiaran ini dengan syarikat hartanah tersebut.

Setelah berjaya memperoleh hak siaran perlawanan-perlawanan musim ini, RTM sebagai Penyiar Berlesen (*Licensed Broadcaster*), menyiarkan sebanyak 41 perlawanan secara langsung dan tertunda, yang turut diulangsiar melalui saluran TV1, TV2, secara online di RTM Online dan aplikasi RTM Mobile. Acara kemuncak musim ini, iaitu Perlawanan Akhir pada 15 Julai 2018, akan menentukan juara pada musim ini dan merupakan suatu acara yang dinanti-nantikan oleh peminat sukan seluruh dunia, termasuk peminat sukan dan bola sepak tempatan.

Aset Kayamas Sdn. Bhd. mengambil inisiatif menganjurkan karnival di tapak Desa Sentral, sebagai acara untuk dinikmati bersama oleh segenap lapisan masyarakat. Pelbagai aktiviti menarik dianjurkan dari 10 pagi hingga 10 malam, termasuk Konsert Khas yang akan diterbitkan oleh saluran KLfm dan pameran serta aktiviti keluarga di tapak berkenaan.

Desa Sentral merupakan satu projek hartanah baharu yang sedang dibangunkan oleh Aset Kayamas Sdn. Bhd. Ia merupakan pembangunan bercampur dengan pembangunan pangsapuri, kompleks pejabat dan hub pendidikan. Mengenai *track record* syarikat ini, pembangunan yang dilaksanakan oleh syarikat ini merupakan projek rumah mampu milik dan perumahan penjawat awam di sekitar Kuala Lumpur.

Karnival yang akan berlangsung seharian ini, akan diakhiri dengan tayangan Perlawanan Akhir Piala Dunia 2018 yang akan bermula 11 malam. Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Tuan Gobind Singh Deo, yang telah berjaya mendapatkan hak siaran perlawanan-perlawanan untuk siaran secara percuma di RTM bernilai RM30 juta, akan turut serta memeriahkan acara bersama hadirin. Sebagai peminat dan penyokong acara sukan, beliau dari awal telah menyuarakan cadangan untuk menganjurkan acara ini dan Aset Kayamas, syarikat pemaju perumahan yang terkemuka, mengambil peluang menganjurkan acara ini dan menjemput penyiar-penyiar tempatan yang memiliki hak siaran untuk menyertai karnival seharian ini.

Pengasas dan Pengerusi Aset Kayamas Sdn. Bhd., YBhg. Tan Sri Datuk Chai Kin Kong, turut serta menaja siaran Piala Dunia 2018 ini bersama-sama penaja lain. Tajaan Aset Kayamas Sdn. Bhd. bernilai RM1.2 juta dan Tan Sri Datuk Chai Kin Kong telah menyerahkan cek berkenaan kepada Ketua Pengarah Penyiaran, Tuan Haji Abdul Muis Shefii, pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2018 anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) di Dataran Gemilang, Presint 4, Wilayah Persekutuan Putrajaya, pada Khamis 28 Jun 2018.

Orang ramai dijemput untuk menghadiri Karnival dan *Viewing Party* Perlawanan Akhir Piala Dunia 2018 di Desa Sentral pada 15 Julai 2018 dan turut mengambil bahagian dan bersukaria semasa penganjuran carnival tersebut. Pemain bolasepak tempatan dan artis-artis popular akan turut memeriahkan suasana sepanjang hari untuk bersama-sama menghangatkan kemeriahan acara Piala Dunia 2018. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut sila hubungi **Encik Abdul Muhaimin Mohamad**, Seksyen Perhubungan Media & Publisiti, Bahagian Perhubungan Raya, Jabatan Penyiaran Malaysia, Tingkat 2, Wisma TV, Angkasapuri, 50614 Kuala Lumpur, di talian 03-2288 7166 atau emel: [muhammadmohamad.mm@gmail.com](mailto:muhammadmohamad.mm@gmail.com).

***Dikeluarkan oleh:***

***Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia  
28 Jun 2018***

---